

**ANALISIS DAN KESAN TERHADAP PENULISAN KARYA FIQH MELAYU
ABAD KE-19**

***ANALYSIS AND IMPACT OF MALAY FiqH WORKS WRITING
IN THE 19TH CENTURY***

Mohd Pua'ad Abdul Malik*

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, MALAYSIA

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid**

Rahimin Affandi Abd. Rahim***

Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Sejarah perkembangan penulisan karya fiqh Melayu memainkan peranan signifikan dalam disiplin ilmu di Alam Melayu. Hasil penulisan, kita dapat memahami tujuan penulisan, hasil komunikasi, mengungkap idealisme dan gagasan pemikiran *fuqaha* Melayu. Malah, pendekatan penulisan merangkumi format dan struktur, metode penulisan, gaya penulisan, bahasa dan manhaj penulisan. Abad ke-19 merupakan abad yang produktif dalam penulisan karya fiqh Melayu. Kajian utama artikel melakar analisis dan kesan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19. Ini kerana, penulisan pada abad ke-19 dilihat sangat dinamik dengan perkembangan dan kepesatannya disokong oleh beberapa faktor yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan idea baharu penulisan karya fiqh Melayu. Pada peringkat awal perkembangan bermula dengan risalah kecil tentang ilmu akidah, fiqh dan tasawuf. Identifikasi penulisan mempunyai nilai seni dan idea asli dalam penulisan. Dalam konteks penzamanan, tidak dinafikan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 menyumbang pembentukan nilai intelektual yang kompetitif.

Kata kunci: Penulisan, Karya Fiqh, Melayu, Alam Melayu, Abad

Abstract

The historical progress of writing on Malay jurisprudence plays a significant role in the discipline of knowledge in the Malay world. Based on the writings, we can understand the purpose of writing, the result of communication, the revelation of the Malay jurists' idealisms and idea of thoughts. Nevertheless the writing approach includes format and structure, methods and style of writing, the use of language and the manhaj of writing. The 19th century was a productive century in the writing of Malay jurisprudence. Therefore, the main premise of this article is to outline the analysis and impact of the Malay jurisprudence works in the 19th century. This is due to the fact that the writings in the 19th century were very dynamic in terms of development. This fact is supported by several factors which contributed to the growth development of new ideas in the writing of Malay jurisprudence. The early stage of development started with small treatises on the science of beliefs, jurisprudence and sufism. The identification of writing has its artistic values and originality in writing. In the context of modernization, the contribution of Malay jurisprudence works to the formation of competitive intellectual values should not be denied.

Keywords: Writing, Jurisprudence, Malay, Malay Nature, Century

Pendahuluan

Penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 merupakan sumber ilmu pengetahuan masyarakat Melayu.¹ Ini dapat dilihat, *fuqaha* Melayu berusaha menjelaskan kandungan intipati ilmu fiqh bagi memastikan segala amalan masyarakat Melayu bertepatan dan selari dengan syariat Islam. Bahkan, usaha pengembangan ilmu fiqh lebih penting berbanding ilmu Islam lain. Hal ini kerana, tuntutan pengajian ilmu fiqh bersifat mendesak dalam sosialisasi masyarakat² berbanding ilmu kalam atau ilmu perubatan.³ Keperluannya mengabsahkan amalan ibadat, perkahwinan, muamalat dan *jinayat*. Oleh itu, sebagai tuntutan dalam kehidupan masyarakat maka lahirlah penulisan karya fiqh Melayu.⁴ Menurut Norazimah Zakaria, untuk menjadi pemikir yang kreatif kita perlu belajar konsep penulisan sosiologi Melayu. Melalui penulisan, terakam pandangan hidup masyarakat, falsafah pemikiran, politik, sosiobudaya, ekonomi dan agama.⁵ Secara dasarnya, sejarah penulisan karya fiqh Melayu mempunyai hubungan erat dengan perkembangan pengajian ilmu fiqh. Hasilnya, ia dijadikan medium dakwah dan penyebaran ilmu di pelusuk Alam Melayu.

Latar Belakang Sejarah Penulisan Karya Fiqh Melayu

Kedatangan Islam ke Alam Melayu menjadi penyumbang utama kegiatan penulisan karya agama Melayu.⁶ Selain belajar dan mengajar, menulis adalah tradisi ulama silam. Ini kerana, kegiatan penulisan memberi gambaran kebijaksanaan *fuqaha* dan ilmuwan mengungkapkan makna dan idea pemikiran dalam pelbagai disiplin ilmu sama ada identifikasi penulisan secara teoritikal seperti disiplin teologi atau praktikal bersesuaian dengan kehidupan manusia seperti ilmu fiqh dan tasawuf.⁷ Keberadaan karya penulisan dalam pelbagai kategori memainkan peranan signifikan sebagai rujukan ilmu di Alam Melayu.⁸ Sejajar dengan itu, kegiatan penulisan karya fiqh Melayu klasik berkembang seiring dengan kegiatan penulisan Alam Melayu seperti ilmu akidah, tasawuf, hadis dan tafsir. Manakala, menurut Abdul Kadir Muhammad sejarah penulisan fiqh Alam Melayu terbahagi kepada beberapa tahap perkembangan. Antaranya, penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke-19 dan penulisan hukum Islam abad ke-20.⁹

Sebelum abad ke-15, sejarah perkembangan penulisan fiqh di Alam Melayu masih kabur dan tidak dapat dipastikan secara jelas. Peringkat awal dakwah Islam Alam Melayu, tidak wujud sesi pengajian fiqh secara formal dengan menggunakan metod dan pengajaran secara sistematik menggunakan kitab-kitab fiqh. Namun begitu, masyarakat Melayu mengakui kepentingan ilmu fiqh. Apa yang dapat dilihat, pengajian ilmu fiqh mula diperkenalkan oleh pendakwah dan mubaligh yang menyebarkan Islam. Mereka memfokuskan ajaran dan amalan ibadat sebagai tuntutan masyarakat Melayu yang baharu memeluk Islam. Penghayatan kefahaman ibadat merangkumi ilmu fardu ain, bersuci, solat, berwuduk sebagai asas ajaran

agama Islam.¹⁰ Dalam pengamalan ajaran Islam, masyarakat Melayu tidak mempunyai rujukan kitab fiqh khusus, sebaliknya amalan mereka berpandukan kepada amalan praktikal yang dilakukan oleh golongan ulama dan mubaligh. Oleh itu, sebarang bentuk urusan yang melibatkan sosiologi hukum seperti pernikahan dipimpin oleh golongan ilmuwan yang memahami selok-belok agama. Dalam tempoh ini, bahan-bahan penulisan yang digunakan berasaskan sumber manuskrip Arab yang dibawa dari Timur Tengah.

Senario ini tidak bermakna pengajian ilmu fiqh telah diabaikan dan tidak diberi keutamaan. Sebaliknya, ada kemungkinan ilmu yang dipelajari ketika itu hanya dicatat dan ditulis sebagai bahan hafalan agama dan tidak dibukukan secara rasmi untuk tatapan umum. Ini bermakna, sebelum abad ke-17 tiada konstruk pengajaran ilmu fiqh secara sistematik.¹¹ Fokus pembelajaran secara tidak formal melalui hafalan dan lisan, tulisan tidak lengkap dan tidak disusun dalam bentuk karya penulisan.¹² Bahkan, sistem pengajian ketika itu terikat dengan kaedah tadahan kitab yang hanya dibaca kurang memotivasikan kegiatan dan aktiviti penulisan. Selain itu, tradisi penulisan terpengaruh dengan sastera lisan klasik yang hanya dinukilkan dan diceritakan dari mulut ke mulut secara turun-temurun. Ini dapat dilihat, tradisi intelektual klasik Melayu bermula dengan tradisi lisan¹³ diikuti tulisan¹⁴ dan cetakan. Ini menjadikan tradisi penulisan yang dibukukan agak terhad.¹⁵ Malah, masyarakat Melayu yang dianggap berkemahiran dan berkebolehan, menulis dan mencatat¹⁶ ajaran guru dengan tulisan tangan. Pada peringkat asas, pengajian tertumpu kepada ilmu fardu ain. Akhirnya, perkembangan penulisan berkembang mengikut perkembangan penzamanan kepada pengajaran kitab-kitab bahasa Arab dan kitab terjemahan dalam bahasa Melayu.¹⁷

Sejarah penulisan karya fiqh Melayu klasik dianggap bermula pada abad ke-16. Sarjana Melayu perintis penulisan karya fiqh Melayu ialah Syeikh Nuruddin al-Raniri. Beliau menulis karya *Sirat al-Mustaqim* yang merupakan karya fiqh ibadat pertama bahasa Melayu tulisan Jawi.¹⁸ Pola utama penulisan fiqh abad awal lebih menekankan kehidupan masyarakat dengan amalan ibadat khusus. Kenyataan ini disokong oleh Zuber Usman, penulisan fiqh Melayu abad awal hanya memfokuskan perkara asas agama¹⁹ seperti syahadat, solat, puasa, zakat dan rukun haji. Namun, setelah perkara asas dipelajari dan difahami maka usaha penulisan yang lebih komprehensif dilakukan dalam bidang ibadat. Oleh itu, muncul variasi penulisan fiqh dalam pelbagai topik dan subjek bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran.²⁰ Produktiviti penulisan fiqh berkembang sehingga abad ke-19 dengan pelbagai format, struktur dan gaya penulisan. Penerokaan dan pengemaskinian penulisan abad ke-19 membentuk pendekatan baharu penulisan karya fiqh Melayu.²¹ Secara tidak langsung, kesan dan impak penulisan intelektual abad klasik menjana corak kegiatan penulisan pada abad ke-20. Ia tersirat di sebalik penulisan rencam seperti *khilafiyah*, fatwa, perbandingan mazhab, pendalilan, perdebatan dan kritik.²² Kupasan dan perbincangan yang mendalam hanya dalam aspek ibadat

khusus menyentuh kupasan tatacara bersuci, solat, puasa, zakat, haji dan umrah, akikah dan korban serta sembelihan.²³ Maka, pendekatan penulisan karya fiqh Melayu klasik berjaya membentuk karakter masyarakat Melayu yang seragam di mana majoriti pemikiran *fuqaha* Melayu didominasi oleh doktrin Mazhab Syafie.

Penulisan Karya Fiqh Melayu Abad Ke-19

Abad ke-19 merupakan abad perkembangan produktif dalam penulisan dengan tambahan 15 karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih. Bermula dengan karya *Idah al-Albab* 1809M sehingga penulisan karya *al-Fatawa al-Fataniyyah*. Selama hampir seratus tahun terdapat 15 karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih dihasilkan di lokasi yang berbeza antara Aceh, Tanah Melayu dan Patani. Legasi produktiviti kematangan penulisan karya fiqh Melayu klasik berkembang dengan dinamik pada abad ke-20 dengan kemunculan subjek penulisan fiqh yang lebih dinamik. Faktor ini menjadikan tipologi penulisan karya fiqh Melayu semakin kreatif dalam penulisan ilmu usul, falak, *mirath*, wakaf, zakat, fatwa, fiqh jumaat, faraid dan *khilafiyah* dicatatkan dalam penulisan karya fiqh Melayu. Evolusi penulisan karya fiqh Melayu terus berkembang pesat dengan subjek yang kompetatif dengan pendekatan baharu penulisan mengikut tahun dan abad. Dinamisme penulisan menunjukkan sifat manusia Melayu bertamadun kerana wujudnya sistem tulisan diungkapkan dalam kognitif pemikiran. Ia menjadi wadah perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Orang Melayu faham bahawa sistem fiqh Islam bukannya diturunkan secara lengkap oleh Allah, ia perlu dibangunkan melalui penyelidikan hukum di lapangan. Sejajar dengan itu, boleh dikatakan abad ke-17 adalah abad rintis penulisan karya fiqh Melayu, abad ke-18 merupakan proses kematangan dan penyempurnaan penulisan, manakala abad ke-19 abad produktiviti dan dinamika penulisan. Antara penulisan fiqh yang masyhur yang terpilih abad ke-19 adalah penulisan karya *Idah al-Albab*,²⁴ *Ghayah al-Taqrif*,²⁵ *Nahj al-Raghibin wa-Subul al-Muttaqin*,²⁶ *Bulugh al-Maram*,²⁷ *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*,²⁸ *Fath al-Manan*,²⁹ *Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-'Aqa'id al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah*,³⁰ *Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Tariq al-Muhtadi*,³¹ *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il*,³² *Minhah al-Qarib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrif*,³³ *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*,³⁴ *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*,³⁵ *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*,³⁶ *Wushah al-Afrah wa Isbah al-Falah*³⁷ dan *al-Fatawa al-Fataniyyah*.³⁸

Analisis Penulisan Karya Fiqh Melayu Abad Ke-19

Dalam penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 terdapat beberapa pendekatan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Penulisan dalam bentuk risalah, buku kecil dan karya penulisan lengkap. Antara contoh penulisan risalah *Bab al-Jum'ah* 1989M,³⁹ risalah *al-Siqayah al-Mardiyyah fi Asami al-Kutub al-Fiqhiyyah li Ashabina al-Shafi'eyah* 1896M,⁴⁰ Risalah *Nur al-Shams*⁴¹ dan *Risalah al-fiqh* 1873M. Manakala dalam bentuk buku kecil antaranya *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Bay' wa al-Shira*⁴² 1818M, *al-Thimar al-Ladhidhah 'ala Riad al-Badi'ah* 1895M⁴³ dan *al-Bahjah al-Mardiyyah fi Fawa'id al-Ukhrawiyyah* 1879M.⁴⁴

Hasil penelitian, penulis membahagikan penulisan karya fiqh Melayu yang masyhur terpilih abad ke-19 kepada dua fasa. Fasa pertama dan fasa akhir perkembangan penulisan. Fasa pertama perkembangan, penulisan karya fiqh Melayu dipelopori oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani antara 1800M hingga 1840M. Perkembangan penulisan karya fiqh Melayu begitu terserlah pada fasa pertama kerana berkembang secara produktif. Ini dapat dilihat, kemunculan karya *Idah al-Albab* 1809M, *Ghayah al-Taqrif* 1811M, *Nahj al-Raghibin* 1811M, karya *Bulugh al-Maram* 1812M, karya *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*, karya *Fath al-Manan* 1834M, karya *Jawahir al-Saniyyah* 1836M, karya *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariq al-Muhtadi* dan *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il* 1841M. Dalam tempoh fasa pertama selama 30 tahun di antara 1800M-1840M sebanyak 9 karya fiqh Melayu terpilih dapat dihasilkan. Ia membuktikan penulisan fiqh Melayu fasa pertama berkembang secara produktif dan konsisten. Penelitian tajuk-tajuk penulisan pada fasa pertama dalam pelbagai variasi penulisan. Tajuk penulisan dimulakan dengan munakahat, ilmu faraid, muamalat, fiqh ibadat, fiqh *takbiratul ihram* dan niat solat, fiqh haji dan umrah, fatwa dan *qadi*. Proses penyempurnaan penulisan yang berkembang saban tahun menjana pengemaskinian penulisan fiqh Melayu yang dilakukan oleh *fuqaha* Melayu. Ini dapat dilihat, penambahbaikan kandungan penulisan fasa pertama dari sudut subjek perbincangan dimulakan dengan tajuk ibadat khusus. Pengemaskiniannya ditambah baik dengan tajuk muamalat sehinggalah kepada perbincangan fatwa. Penulisan karya fiqh Melayu menjadi semakin kompleks apabila terdapat tajuk baharu ditulis pada abad-abad berikutnya.

Manakala, pada fasa kedua penulisan karya fiqh Melayu antara tahun 1880M hingga 1899M selama 20 tahun sebanyak 6 karya penulisan fiqh Melayu terpilih dapat dihasilkan. Boleh dikatakan, kegiatan penulisan fiqh Melayu fasa kedua masih produktif dan konsisten. Ini tidak bermakna tiada penulisan fiqh pada fasa perkembangan pertengahan antara 1840M-1870M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu, terdapat beberapa karya penulisan fiqh antaranya MS 471 karya *Kitab Sembahyang* 1844M, MS 258 *Bicara Fiqh Sembahyang*, MS 285 *Kitab Khutbah Hari Raya*, MS 503 *Kitab al-Nikah*, MS 502 *Kelebihan Isteri Berbuat baik terhadap Suami* 1860M.⁴⁵ Kesemua karya dikategorikan sebagai risalah fiqh kerana kandungan penulisannya ringkas dan tidak lengkap. Namun begitu, terdapat karya fiqh Melayu

dikategorikan masyhur di fasa pertama dan pertengahan penulisan seperti karya *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* karya tulisan Syeikh Daud al-fatani,⁴⁶ karya *Ghayah al-Taqrif fi al-Irth wa at-Ta'sib* 1811M,⁴⁷ karya *Munyah al-Musalli* 1827M tulisan Syeikh Daud al-Fatani,⁴⁸ *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Shurutih*⁴⁹ karya tulisan Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi, karya *Fath al-Mubin* 1856M⁵⁰ ditulis oleh Syeikh Muhammad Salih bin Muhammad Murid ar-Rawi, karya *ash-Sa'id wa az-Zaba'ih* 1856M ditulis Syeikh Muhammad Salih bin Muhammad Murid ar-Rawi.⁵¹ Begitu juga, keberadaan tokoh ulama dan *fuqaha* Indonesia yang dikenali dan tersohor dalam dakwah Islam. Namun begitu, penulis tidak menemui karya penulisan mereka secara fizikal seperti Muhammad Muhyidin bin Syihabuddin,⁵² Muhammad Nafis al-Banjari⁵³ dan Abdul Wahab al-Bugisi.⁵⁴ Oleh itu, tidak semua karya fiqh Melayu dapat dibentangkan kerana wujud kekangan untuk mendapatkan karya penulisan secara fizikal dan penulis juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan karya penulisan yang berada pada individu yang tidak dikenali.

Terdapat perbezaan kandungan penulisan karya fiqh Melayu fasa kedua. Ini kerana, pendekatan gabungan tiga ilmu ditulis dalam karya penulisan. Meskipun, penulisan gabungan tiga ilmu telah dimulakan pada fasa pertama penulisan dalam karya *Furu' al-Masa'il* namun penulisan lebih terserlah pada penghujung fasa kedua penulisan. Meskipun begitu, dalam konteks gabungan tiga ilmu, perbincangan ilmu fiqh masih mendominasi subjek utama perbincangan. Secara tidak langsung, pendekatan gabungan penulisan menjana corak baharu penulisan karya fiqh Melayu. Tidak dinafikan terdapat kelemahan dalam penulisan gabungan tiga ilmu antaranya pada peringkat awal pembacaan, khalayak pembaca akan terkeliru dalam aspek penyampaian ilmu fiqh. Kebanyakan karya gabungan tiga ilmu dimulakan dengan penulisan ilmu tauhid dan akidah seperti rukun Iman, rukun Islam dan sifat wajib bagi Allah. Perbahasannya kadang kala panjang meleret dengan kupasan dalil dan hujah yang dibentangkan menjadikan penulisan seolah-olah dilihat seperti karya tauhid dan bukan karya fiqh.

Dalam penulisan fiqh Melayu abad ke-19 terdapat banyak kemunculan penulisan baharu karya fiqh Melayu. Ini dapat dilihat, sama ada dalam bentuk risalah, buku kecil tidak lengkap dan karya penulisan lengkap. Dalam perkembangan tersebut, ia membuka ruang dan corak penulisan berbeza berdasarkan tahun, abad, latar belakang persekitaran, latar masa dan lokasi, situasi, keadaan sosiopolitik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang. Selain itu, faktor logistik⁵⁵ menyumbang kepada kepesatan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Faktor logistik bermaksud sokongan luaran dan teknikal terhadap penulisan karya fiqh Melayu klasik. Sokongan teknikal menjana perkembangan penulisan karya fiqh Melayu dengan kemunculan alat percetakan. Pemodenan teknologi percetakan secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Jika sebelumnya, penulisan karya fiqh Melayu terhad untuk tujuan pengajaran di rumah guru dan istana namun dengan kemunculan bahan-bahan cetakan menjadikan penulisan lebih produktif. Pada sisi lain, selaras dengan trend perkembangan percetakan, pasaran dan

pengedaran karya-karya fiqh Melayu berkembang atas permintaan pasaran, transaksi penjualan dan pembelian urus niaga pasaran kitab. Ini antara faktor menjadikan penulisan karya fiqh Melayu berkembang apabila karya cetakan diulang cetak. Ini kerana, wujud permintaan yang tinggi dari institusi pengajian sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.⁵⁶

Tidak dinafikan, pasaran dan proses pengedaran karya fiqh Melayu menyumbang kepada proses perkembangan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19.⁵⁷ Ini dapat dilihat, syarikat-syarikat percetakan tumbuh dan berkembang dengan kewujudan premis percetakan di Alam Melayu. Hasilnya, perkembangan percetakan menjana kesan positif hasil produktiviti penulisan karya fiqh Melayu dan kemunculan sebilangan *fuqaha* Melayu menceburkan diri dalam dunia penulisan semakin bertambah saban tahun. Kesannya, wujud kepelbagaian format dan struktur penulisan karya fiqh Melayu. Tidak dinafikan tiada usaha penyemakan, penelitian semula, pemilihan atau pentarjihan terhadap pendapat seperti yang wujud dalam penulisan fiqh Mazhab Syafie sepanjang hampir seabad ditulis. Namun dari sisi lain, penulisan fiqh Melayu abad ke-19 merupakan langkah awal yang konsisten untuk meletakkan ilmu fiqh pada momentum terbaik dalam pemikiran orang Melayu. Hasilnya, karya penulisan menjadi tumpuan dan rujukan dalam penelitian perbincangan fiqh Syafie. Situasi ini memberi impak besar kepada perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Malahan, kandungan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 merangkumi hampir kesemua perbincangan dalam tatacara kehidupan. Bermula dengan tatacara peribadatan sehingga *jinayat*. Identifikasi kesungguhan kegiatan penulisan karya fiqh Melayu membentuk asas ilmu pengetahuan yang utuh dalam ibadat khusus. Kegiatan penulisan bertalian antara satu karya dengan karya lain. Sama ada dalam bentuk ringkasan, komentar, syarah ataupun gaya penulisan. Sebahagian besar penulisan karya fiqh Melayu turut mempunyai kaitan dan hubungan dengan kitab-kitab yang mempunyai kesinambungan dengan kitab Imam Syafie. Akhirnya, ia merungkai corak penulisan yang berbeza pada abad berikutnya. Selain itu, penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 juga memfokuskan usaha mengemaskini perkataan dan struktur ayat yang tidak difahami hasil penulisan *fuqaha* Melayu abad ke-17 dan ke-18. Pengemaskiniannya merangkumi penyusunan topik dan subjek penulisan dengan lebih sistematik terhadap teks-teks ringkas dalam penulisan ilmu fiqh.⁵⁸

Hasil rumusan, kestabilan proses penulisan karya fiqh Melayu telah melalui beberapa peringkat perkembangan. Secara dasarnya, proses pemantapan penulisan karya fiqh Melayu belum mencapai tahap maksimum walaupun usaha penambahbaikan telah dilakukan. Meskipun proses pengemaskinian dilakukan pada zaman berzaman seiring dengan proses perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Namun, ia usaha yang berbaloi bagi meletakkan karya fiqh Melayu di landasan terbaik dalam sejarah penulisannya. Kegigihan *fuqaha* Melayu berjaya menghasilkan karya yang membincangkan ilmu fiqh untuk manfaat masyarakat Melayu. Akhirnya, proses penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 memasuki peringkat mempengaruhi penulisan fiqh pada abad ke-20. Ini termasuklah, pendekatan kandungan penulisan yang jauh berbeza dari sebelumnya seperti penulisan *khilafiyah*, *usul al-fiqh*, perbincangan mazhab, fatwa, fiqh solat Jumaat, zakat, wakaf, jual beli, pusaka dan falak. Terdapat pengemaskinian dan pertumbuhan baharu dalam sejarah penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19. Meskipun, penambahbaikan hanya berada pada tahap berskala kecil namun ia menjana kesan dalam penulisan karya fiqh Melayu abad ke-20. Penulisan subjek fiqh ibadat

mendominasi penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19.⁵⁹ Ini dapat dilihat, mesej dan subjek ibadat yang disampaikan kepada masyarakat Melayu ditulis secara ringkas namun penyesuaiannya dilihat dalam konteks kandungan penulisan. Corak penulisannya berhasil menemukan momentum dan mempengaruhi dinamisme penulisan fiqh yang berkembang di beberapa lokasi di Alam Melayu. Ia menjana kefahaman sosialisasi kerana hampir semua karya fiqh Melayu yang ditulis mempunyai kaitan rapat dalam hal ehwal kemasyarakatan.⁶⁰ Kemunculan karya fiqh Melayu dilihat mula berkembang tahun demi tahun namun perkembangannya terhad⁶¹ dan tidak terbatas kepada lima karya fiqh Melayu sahaja. Penulisan fiqh abad ke-19 dapat direalisasikan dengan beberapa pola penulisan fiqh namun tidak dinafikan wujud cabaran dalam proses penulisan fiqh Melayu. Setelah berlakunya kegiatan penulisan fiqh Melayu secara beransur-ansur namun perkembangannya turut terbantut apabila terdapat cabaran dan kekangan dalam proses penghasilan dan penulisannya. Meskipun terdapat lokasi dan tempat yang menerima perkembangan penulisan karya fiqh Melayu namun terdapat lokasi yang dilihat statik dan tidak berkembang. Namun begitu, cabaran dan kekangan hanya bersifat sementara sebelum penulisannya berkembang dengan dinamik pada abad berikutnya.

Bagi hal ini, cabaran penulisan fiqh Melayu lahir dari sifat dan karakter orang Melayu sendiri. Beberapa sifat dan watak orang Melayu yang tidak membantu perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Antaranya, sifat orang Melayu zaman klasik buta huruf, kurang saluran maklumat dan baharu mengenali ilmu pengetahuan serta tidak merasa tertarik dengan ilmu pengetahuan yang rencam. Ini kerana, sebelum memeluk Islam bangsa Melayu dikenali sebagai bangsa yang kurang berminat dengan ilmu pengetahuan.⁶² Didikan masyarakat hanya berlandaskan kepada adat dan kepercayaan⁶³ tanpa ada pemikiran rasionalistik. Tidak wujud suasana budaya ilmu pada zaman klasik bagi menyokong penulisan fiqh Melayu. Selain itu, budaya taklid⁶⁴ mula meresap ke dalam pemikiran orang Melayu menjadikan mereka merasa selesa dengan ilmu yang ada. Selaras dengan itu, beberapa pendekatan ilmu telah diterapkan dalam penulisan karya fiqh Melayu. Antaranya, kupasan penulisan sesuai dengan sifat orang Melayu yang baharu memeluk Islam. Pendekatannya mengambil kira budaya dan sosiologi masyarakat Melayu dengan kesesuaian⁶⁵ dan kefahaman ibadat dalam penulisan fiqh Melayu.⁶⁶ Ini dapat dilihat, dalam teks Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari beliau memasukkan perkataan Kalimantan atau Banjar seperti '*yang bini bini*' dan '*wanyi*' dengan mengambil kira dialek dan elemen tempatan dalam memilih bahasa tempatan.⁶⁷ Gambaran latar belakang tempatan dan kebudayaan Melayu menunjukkan dengan jelas bukti intelektual dan pengamatan pengarang terhadap budaya setempat.

Di samping itu, aspek kemerosotan penulisan karya fiqh Melayu merujuk kepada era penjajahan kolonial di Alam Melayu menyebabkan berlakunya proses penaklukan epistemologi ilmu Alam Melayu. Kenyataan ini selari seperti mana yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas⁶⁸ zaman 1700M-1900M era penjajahan kolonial menyaksikan ilmu Islam menjadi statik. Orang Eropah sudah berdagang di dunia Melayu sejak abad ke-16

lagi.⁶⁹ Pada abad ke-17 bangsa Eropah mula menjajah Alam Melayu hingga abad ke-20. Kemunculan mereka bertebaran di beberapa lokasi Alam Melayu. Akhirnya, semua lokasi berkebudayaan Melayu menjadi jajahan Barat. Kolonial bukan sahaja menjajah kawasan geografi dan memerah hasil bumi Melayu⁷⁰ namun mereka melestarikan bagaimana pemikiran kehidupan bermasyarakat⁷¹ perlu dijalankan dengan konsep kolonial.⁷² Faktor penjajahan Inggeris-Belanda di Alam Melayu membantutkan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Meskipun, menurut Ding Choo Ming⁷³ penjajahan dan kolonial tidak memberikan impak negatif terhadap penulisan manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang ilmu namun bagi penulis ia memberi kesan sampingan dan tidak langsung kepada penulisan karya fiqh Melayu. Ini kerana, hegemoni kolonial berusaha menguasai kehidupan beragama masyarakat Melayu⁷⁴ dan menghapuskan potensi serta mekanisme penggerak yang terdapat dalam ajaran Islam. Mereka mengkaji cara yang terbaik untuk menghapuskan akar umbi kekuatan Islam yang terjalin erat di antara umat Islam di rantau Alam Melayu.⁷⁵ Kesannya, potensi penulisan fiqh Melayu berjaya ditenggelamkan oleh kolonial Barat pada suatu tempoh masa yang lama menyebabkan penjajahan Barat berakar umbi di Alam Melayu. Akibatnya, persuratan Melayu Islam menjadi statik serta merencatkan kegiatan dan aktiviti penulisan karya fiqh Melayu.

Ketokohan dan Kemampuan *Fuqaha* Fatani

Penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 didorong oleh semangat dan kesinambungan jalinan kerajaan Patani-Aceh⁷⁶ yang banyak menghasilkan karya-karya tulisan Jawi. Kerajaan Islam Patani terkenal sebagai sebuah negeri yang sentiasa berusaha memartabatkan dan melestarikan ilmu agama.⁷⁷ Abad ke-19 merupakan abad yang produktif dalam penulisan dan penghasilan karya fiqh Melayu di Patani. Ini membuktikan komitmen *fuqaha* Patani menulis secara konsisten. Meskipun, terdapat penulisan karya fiqh di Tanah Melayu seperti karya *al-Kifayah* 1726M⁷⁸ dan karya dari Aceh *Sirat al-Mustaqim* dan *Sabil al-Muhtadin* namun dinamika penulisannya tidak mampu menandingi produktiviti penulisan fiqh Melayu di Patani.⁷⁹

Kedudukan dan keberadaan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 di Patani berada dalam suasana ilmu yang pesat dan dinamik.⁸⁰ Kepesatannya dapat menjelaskan ketokohan *fuqaha* Patani yang menulis karya-karya fiqh Melayu. Namun begitu, dinamisme produktiviti penulisan disokong oleh beberapa faktor yang menjadi pengukur kepada sumbangan *fuqaha* Patani. Sehubungan dengan itu, faktor yang mendorong *fuqaha* Patani menulis secara konsisten kerana mereka dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan. Ahli keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama yang dihormati dan disegani dalam masyarakat. Antaranya, Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani yang berasal dari keluarga ulama. Menurut salasilah keturunannya, beliau berasal daripada keturunan alim-ulama.⁸¹ Bapa beliau

adalah Wan Abdullah dan datuknya Wan Idris ulama besar Patani yang masyhur pada zamannya.⁸² Syeikh Daud al-Fatani tokoh besar ulama Patani yang prolific banyak menghasilkan karya penulisan. Ini ditegaskan oleh Voorhoeve, Syeikh Daud al-Fatani seorang penulis yang produktif dan konsisten menghasilkan karya penulisan.⁸³ Beliau telah menghasilkan sekurang-sekurang 57 buah kitab dalam bahasa Melayu dan Arab.⁸⁴ Karya pertama dihasilkan *Idah al-Albab* ditulis pada 1809M ketika berumur 28 tahun di Mekah. Karya penulisan beliau bukan sahaja dicetak di Tanah Melayu dan Singapura tetapi juga di Mesir dan Mekah. Malah, sehingga kini karya-karaya beliau masih disalin dan diterbitkan dari masa ke semasa. Syeikh Daud al-Fatani telah mengarang beberapa karya fiqh Melayu yang berkualiti khususnya untuk kegunaan masyarakat Melayu. Antara subjek perbincangan fiqh pemburuan, akikah, sembahyang terawih dan witr, solat Jumaat, muamalat, haji dan umrah, zakat, solat jamaah dan lain-lain lagi. Selain itu juga, budaya memainkan peranan intelektual dalam masyarakat. Ini dapat dilihat, apabila budaya ilmu berkembang dalam masyarakat, secara tidak langsung budaya menulis juga turut berkembang.

Kesan menuntut ilmu dan pengaruh tempat juga memainkan peranan penting dalam penglibatan *fuqaha* Patani mengarang karya fiqh Melayu. Ini selaras dengan legasi penulisan karya fiqh Melayu yang mempunyai kaitan dengan beberapa faktor antaranya, latar belakang persekitaran, latar masa, lokasi, situasi, keadaan sosiopolitik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang karya. Suasana kemasyarakatan, mempengaruhi minda dan pemikiran intelektual *fuqaha* Patani. Ia merupakan falsafah tindakan dalam masyarakat menghasilkan karya fiqh Melayu. Di samping itu, kebanyakan ilmuwan berasal dari Patani mendapat pendidikan tinggi agama di Haramyan seterusnya menetap di sana suatu tempoh masa yang lama. Mereka menekuni pengajian ilmu tauhid, fiqh, hadis dan tasawuf. Apabila pulang ke Patani mereka membawa amanah ilmu yang tinggi dengan mengajar dan menulis. Ini menjadikan mereka ulama yang alim lagi faqih dalam menguasai disiplin ilmu Islam. Oleh itu, apabila ilmu dalam sesuatu bidang dapat dikuasai dengan baik maka secara tidak langsung ilmu itu mudah ditulis.

Selain itu, menulis merupakan satu ibadat dalam agama Islam. *Fuqaha* Melayu silam berkarya untuk mengharapkan keredhaan Allah SWT. Meskipun sumber dan bahan penulisan terhad dan sukar⁸⁵ namun *fuqaha* Melayu tekal konsisten menghasilkan karya penulisan. Hal ini dapat dilihat, keikhlasan niat dalam menyebarkan risalah Islam tanpa mengira pulangan kebendaan yang bakal diperolehi. Amalan perbuatan ini memang sukar untuk dibuktikan namun dapat dilihat dari hasil usaha yang konsisten dari *fuqaha* Melayu. Dalam hal ini, menurut A. H. John mubaligh awal di Alam Melayu menegaskan tujuan utama penulisan karya Jawi ditulis untuk menyebarkan informasi lengkap ajaran Islam tanpa mempedulikan persoalan manfaat kebendaan (royalti) yang bakal diperolehi. Ini berbeza seperti mana yang diperjuangkan oleh pengarang masa kini dengan konsep harta intelek. Menurut A.H. John yang mengkaji kitab Jawi di wilayah Patani;

“...the authors of Kitab Jawi were writing not for themselves but for the enlightenment and training of students. The aims were to simplify and to explain not to dazzle with intellectual precocity. We can learn much about the Islamic principles emphasized in these writings and study which commentaries

and glosses were used as supports, but it is difficult to make assessments about the intellectual achievements of the Kitab Jawi authors from their works...⁸⁶

Ini selari dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Imam Nawawi dalam kitab *Sharh al-Muhadhdhab*. Dalam catatan pengantar kitab, Imam Nawawi mencatatkan dorongan menulis (*dawai' al-kitabah*) bagi penulis ilmu.⁸⁷ Antaranya, semata-mata bagi mendapatkan ganjaran dan keredaan Allah SWT. Beliau menegaskan, keperluan menyampaikan dan menulis ilmu. Ini kerana, kegiatan penulisan dapat merungkai konsep epistemologi ilmu dengan teliti dan mendalam.⁸⁸ Dalam tradisi penulisan karya fiqh Melayu, usaha yang dilakukan oleh *fuqaha* Melayu komited dan konsisten menulis walaupun sukar mendapatkan bahan tulisan.⁸⁹ Contohnya, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan penulis prolific yang banyak menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu. Beliau menulis secara konsisten kerana mengharapkan ganjaran dari Allah semata-mata.⁹⁰ Pandangan ini disokong oleh Muhammad Azhari antara sebab utama ulama menulis kerana keikhlasan kepada Allah SWT. Mereka menulis dengan niat untuk menyampaikan ilmu tanpa mengharapkan ganjaran material duniawi.⁹¹ Sehubungan dengan itu, pada asasnya tidak semua penulisan karya fiqh abad ke-19 merupakan karya fiqh yang lengkap merangkumi *kitab, bab, fasl*. Namun, kebanyakannya ditulis dengan topik dan subjek fiqh tertentu sahaja. Pada peringkat awal kegiatan penulisan, pengelasan topik *kitab, bab, fasl* untuk memudahkan masyarakat mempelajari dan memahami ajaran Islam secara sistematik. Paparan kandungan perbincangan ilmu yang diberikan oleh *fuqaha* dan ulama silam tidak diberikan secara sekali gus. Namun begitu, apabila terdapat kelompangan perbincangan ilmu maka pengemaskinian dilakukan oleh *fuqaha* selepasnya. Oleh itu, wujud penstrukturan dan pertumbuhan baharu dalam penulisan karya fiqh Melayu dari satu abad kepada abad yang lain.

Penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 merupakan abad keupayaan dan produktiviti kemunculan penulisan karya fiqh Melayu. Ini dapat dilihat, ketokohan *fuqaha* Patani yang menulis secara konsisten sehingga karya-karya mereka menjadi sumber rujukan. Namun begitu, dari sisi lain tidak semua *fuqaha* Melayu mampu menulis, seperti yang dibincangkan terdapat karya penulisan adalah hasil terjemahan, saduran dan karya tidak konsisten. Kebanyakan karya fiqh Melayu dianggap tidak lagi bersifat asli. Sebaliknya merupakan *ikhtisar* atau ringkasan dan syarah yang dianggap lebih rumit untuk difahami. Hasil penelitian, antara ketidakmampuan *fuqaha* di Alam Melayu menulis secara konsisten boleh diteliti dengan beberapa faktor antaranya budaya taklid yang mula berkembang dan mempengaruhi alam Islami serta meresapi budaya intelektual Alam Melayu. Mereka mula berada dalam zon selesa dengan pemikiran taklid mula tersebar secara senyap dalam dunia fiqh Islami.⁹² Pemikiran dan pemahaman Islam beransur-ansur mengalami zaman kebekuan dan statik. Dalam senario ini, para *fuqaha* terpaksa menutup pintu ijtihad hingga membantutkan perkembangan ilmu khususnya kegiatan penulisan. Walaupun begitu, tidak dinafikan kemunculan penulisan karya fiqh Melayu dari sudut kuantitinya namun kualitinya masih bersifat terjemahan dan saduran.

Hasil rumusan, penulisan karya fiqh Melayu merupakan manifestasi kepada daya kemampuan, intelektual dan kearifan *fuqaha* Melayu menghasilkan penulisan fiqh Melayu. Aktiviti dan kegiatan penulisan menyumbang kepada pembentukan nilai intelektual dalam kalangan sarjana Melayu yang berusaha memberikan sumbangan terbaik kepada masyarakat. Meskipun, pada abad awal penulisan karya fiqh Melayu ditulis secara ringkas namun masih relevan mengikut konteks zamannya.⁹³ Penulisan karya fiqh Melayu dilihat mempunyai nilai perbincangan yang unggul dan unik. Ia merupakan kesan kearifan tempatan Melayu yang terhasil dari perkembangan Islamisasi di Alam Melayu.

Kecenderungan Penulisan Ijtihad

Kebanyakan karya fiqh Melayu abad awal mempunyai kandungan khusus kepada karya terjemahan daripada kitab fiqh karangan *fuqaha* Mazhab Syafie (*al-Shafi'eyyah*) dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan menyalin semula, bersifat saduran dan tidak konsisten. Boleh dikatakan tiada kecenderungan ijtihad dalam penulisan karya fiqh Melayu. Begitu juga, tiada penulisan khusus usul fiqh dalam karya fiqh Melayu abad ke-17 dan 18. Rasionalnya, penulisan karya fiqh Melayu mustahil dapat ditulis dan dihasilkan tanpa pengetahuan mendalam terhadap ilmu usul fiqh. Persoalan ini penting untuk diketahui kerana ilmu usul fiqh merupakan ilmu intelektual umat Islam⁹⁴ dan subjek penting dalam pengajian syariah.⁹⁵ Intipati kandungannya membahaskan kaedah komprehensif dalam pengamalan ijtihad.⁹⁶ Para mujtahid menggunakannya sebagai mekanisme *istinbat* hukum Islam.⁹⁷ Dalam kata lain, ilmu usul fiqh berperanan menyediakan asas kepada pembinaan hukum Islam.⁹⁸

Namun begitu, pada abad ke-19 terdapat kecenderungan dan usaha ijtihad dalam penulisan bercorak fatwa dan hukum Islam. Penulisan fatwa dan usul dirintis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam karya *al-Fatawa al-Fataniyyah*.⁹⁹ Menurut Wan Mohd. Shaghir karya usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu ialah karya *Fath al-Manan*¹⁰⁰ ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Dalam catatan pengantar penulisan Syeikh Daud telah mencatatkan beberapa kaedah penulisan usul fiqh. Beliau menekankan untuk berhukum dengan dalil-dalil yang *qat'ie* dalam pengambilan hukum Islam.¹⁰¹ Hasil penelitian, terdapat penulisan ringkas usul fiqh dalam karya fiqh Melayu. Ia merangkumi tulisan ilmu *qias*, ijmak, masalah, syarat berfatwa, kaedah fiqh dan penghujahan al-Sunnah.¹⁰² Meskipun ringkas namun ia kekal relevan mengikut konteks zamannya. Pada hemat penulis, terdapat andaian apa yang dinyatakan oleh Wan Mohd. Shaghir adalah kaedah penulisan usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu. Ia merangkumi corak penulisan klasik usul fiqh¹⁰³ yang dapat dikesan dalam penulisan karya fiqh Melayu. Begitu juga paparan istilah-istilah pendek yang mewakili corak penulisan klasik dengan pendekatan perkataan, istilah dan gaya bahasa dalam ilmu usul fiqh. Namun, tiada perbincangan dan kupasan khusus perbincangan ilmu usul fiqh dalam penulisan tersebut. Perkembangan penulisan karya fiqh Melayu akhirnya membentuk pola

penulisan intelektual dan hukum merujuk kepada ilmu usul. Usaha ini dapat dilihat dalam perkembangan penulisan fiqh yang berkembang pada abad ke-20. Terdapat elemen dan unsur penulisan ilmu usul fiqh dalam karya tulisan fiqh Melayu.¹⁰⁴ Perbincangan yang dilontarkan bukan bermaksud ulama Melayu tidak mampu menulis karya-karya bermutu seperti karya usul fiqh pada abad awal penulisan fiqh. Pemahaman dan penulisan ilmu fiqh yang ditulis oleh *fuqaha* Melayu silam mustahil dapat disebar luaskan tanpa memahami subjek usul fiqh secara holistik.

Pemikiran usul dilontarkan dalam tulisan fiqh yang diterjemahkan ke dalam karya-karya fiqh Melayu. Justeru, pemikiran dan pengetahuan usul fiqh memang telah diketahui oleh *fuqaha* Melayu ketika itu walaupun tidak disusun dan dibukukan.¹⁰⁵ Hasil penelitian, impak penulisan karya fiqh Melayu terdapat pendekatan penulisan *Maqasid al-Shari'ah* dalam penulisan abad ke-20. Ia kesan penulisan secara tidak langsung yang dilontarkan dalam penulisan fiqh Melayu.¹⁰⁶ Dalam kandungan penulisan, pengarang menyatakan kepentingan yang lebih layak (untuk kemaslahatan) dan keperluan mengekang kesulitan besar (*Haraj al-'Azim*) yang akan berlaku kerana kesulitan yang dinafikan oleh nas syarak dan *fihiyyah* membawa kesulitan dan keresahan kepada masyarakat umum¹⁰⁷ :

“...dan inilah yang terlebih layak dengan Mahasin al-Shari'ah firman Allah Ta'ala...”¹⁰⁸

Bagi penulis, kalimah *mahasin al-Shari'ah* merujuk kepada *maqasid al-Shari'ah*. Ini kerana, dalam struktur ayat berikutnya pengarang menyatakan Allah tidak menjadikan kamu sulit dan menyusahkan dalam agama-Nya.¹⁰⁹ Ia objektif (*maqasid*) utama syarak diturunkan oleh Allah. Terdapat banyak nas al-Quran menjelaskan Allah memerintahkan hamba-Nya berada dalam keadaan mudah dan tidak sesekali menghendaki hamba-Nya berada dalam kesulitan.¹¹⁰ Bahkan, dalam kaedah fiqh menegaskan objektif dan keberadaan syariat Islam menyeru kepada perkara yang mudah dan tidak menyusahkan umatnya.¹¹¹ Oleh itu, kaedah fiqh dijadikan rujukan dan panduan umat Islam bagi menyelesaikan persoalan hukum Islam semasa yang muncul dalam masyarakat.¹¹² Dalam objektif syarak, merujuk kepada petikan penulisan *fuqaha* Melayu iaitu Syeikh Tahir Jalaluddin pada awal abad ke-20. Beliau menegaskan sesuatu perkara yang membawa kepada kesulitan atau kesusahan (*Haraj al-'Azim*) dinafikan oleh syariat Islam¹¹³ secara total.¹¹⁴

Penulisan Gabungan Tiga Ilmu

Dalam sejarah penulisan karya fiqh Melayu terdapat pendekatan yang ditulis oleh *fuqaha* Melayu dengan menggabungkan ilmu seperti kandungan ensiklopedia. Ini kerana, *fuqaha* Melayu menggabungkan beberapa disiplin ilmu seperti ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf.

Kecenderungan penulisan gabungan ilmu dapat dilihat dalam penulisan karya fiqh Melayu di pertengahan hingga akhir abad ke-19.¹¹⁵ Pada awal perkembangan Islam, istilah fiqh merujuk kepada fahaman syariat Islam secara total. Kandungannya merangkumi hukum akidah, fiqh dan akhlak. Apabila disiplin ilmu Islam tersebar dan berkembang, maka muncul pelbagai ikhtisas ilmu seperti ilmu kalam, tasawuf, *mustalah hadith* dan sebagainya maka istilah fiqh digunakan secara khusus merujuk kepada hukum amali bagi *mukallaf*.¹¹⁶

Pendekatan penulisan gabungan tiga ilmu adalah corak penulisan tradisi ulama Islam silam seperti Ibn Khaldun,¹¹⁷ dan Imam Ibn Qayyim.¹¹⁸ Menurut Rahimin Affandi¹¹⁹ pendekatan gabungan ilmu telah digunakan oleh ulama klasik dalam penulisan Ibn Juzayy al-Maliki melalui karyanya *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*.¹²⁰ Kandungannya berdasarkan pembahagian syariat kepada tiga kompenan utama iaitu akidah, fiqh dan akhlak. Pada hemat penulis, terdapat beberapa pendekatan penulisan fiqh Melayu menjurus kepada penggabungan ilmu. Antaranya, usaha-usaha pengarang fiqh Melayu menghubungkan ajaran tauhid dan fiqh dalam masyarakat Melayu membuktikan keprihatinan pengarang karya fiqh Melayu terhadap individu Muslim dan Mukmin. Pola penulisan mengetengahkan Islam sebagai ajaran agama tauhid yang bersifat universal, abadi dan sesuai untuk dipelajari dalam arus penzamanan. Meskipun, perbincangan dan penulisan fiqh lebih dominan namun perkara tunjang kepercayaan dan keyakinan individu Muslim merentasi penulisan karya fiqh Melayu. Pendekatan penulisan gabungan ilmu juga terpengaruh dengan bentuk penulisan al-Quran. Ini kerana, tulisan yang baik ialah penulisan yang mencontohi al-Quran dari segi pendekatan dan kandungannya yang merangkumi ilmu akidah, fiqh dan tasawuf.¹²¹ Apabila *fuqaha* Melayu berkarya, al-Quran menjadi sumber rujukan utama dalam penulisan. Penghayatan yang konsisten terhadap kandungan al-Quran menjadikan kerangka penulisan karya fiqh mereka terpengaruh dengan pola penulisan al-Quran. Gabungan ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf merupakan manifestasi *fuqaha* Melayu berinteraksi dengan teks al-Quran. Meskipun karya penulisan tidak sesempurna al-Quran namun pendekatan penulisan mereka menyerupai corak penulisan al-Quran yang menggabungkan kesemua ilmu dalam satu kitab. Pola penulisan telah disunting dan diolah dengan baik oleh *fuqaha* Melayu dengan meletakkan teras ilmu utama iaitu tauhid, fiqh dan tasawuf.

Pendekatan gabungan penulisan ilmu dalam karya fiqh Melayu pada sesi pengajaran dan pembelajaran silam juga boleh difahami memadai dengan merujuk kepada seorang guru atau satu kitab sahaja. Guru menghimpunkan semua ilmu teras dalam satu karya penulisan dan semua murid menerima curahan ilmu secara menyeluruh dengan menggunakan satu kitab. Akhirnya, murid-murid menerima curahan ilmu dari seorang guru. Inilah adunan intipati pendekatan atau idea penulisan gabungan tiga ilmu. Ada kemungkinan aplikasi gabungan ini untuk memudahkan mempelajari ilmu dari satu tahap kepada tahap yang lain. Ini dapat dilihat, apabila disebut agama pasti dimulakan dengan fiqh, tauhid dan akhlak. Pendekatan ini dinyatakan oleh cendekiawan Islam Sidi Ahmad Zarruq dalam melestarikan suatu kaedah :

“...tiada tasawuf tanpa fiqh, kerana dengan ilmu fiqh dapat diketahui hukum-hakam Allah SWT yang zahir. Begitu juga, tiada ilmu fiqh tanpa tasawuf, kerana amal soleh hanya diperoleh dengan keikhlasan dan keimanan hakiki kepada Allah SWT. Oleh kerana itu, kedua-dua tasawuf dan fiqh perlu disepadukan, sebagaimana perlunya disepadukan ruh dengan jasad. Nisbah ilmu tasawuf kepada agama ibarat ruh kepada jasad...”¹²²

Tidak terdapat bentuk pemisahan ilmu pada zaman klasik. Kesemua ilmu digabungkan dalam satu disiplin ilmu. Ini kerana, dasar pemisahan ilmu dipisah-pisahkan kepada ilmu fiqh, ilmu tauhid dan ilmu tasawuf diperkenalkan oleh Barat yang membawa dasar perintah dan pecah.¹²³ Maka, pada zaman penulisan klasik Melayu semua ilmu diletakan dalam satu disiplin ilmu. Tiada perbezaan antara ilmu usuluddin, syariah dan tasawuf. Dalam satu kitab, wujud perbincangan ilmu yang merangkumi tauhid, fiqh dan tasawuf yang boleh diambil manfaat oleh pembaca. Pendekatan bentuk gabungan ilmu merupakan pengaruh penulisan klasik Arab seperti wujud perbahasan fiqh dalam kitab¹²⁴ bermula pada pertengahan kurun kedua iaitu pada zaman Imam Malik bin Anas 179H. Pada ketika itu, ulama lebih cenderung mengumpul hadis dalam kitab mengikut bab fiqh. Kitab *al-Muwatta'* karya Imam Malik 179H sendiri telah disusun mengikut bab-bab fiqh. Pendekatan penulisan yang diaplikasikan oleh Imam Malik telah dicontohi oleh ulama selepasnya seperti 'Abd al-Razzaq dan Abi Shaiban dalam kitab *al-Musannaf*. Bentuk kaedah kemudiannya diikuti oleh Imam al-Bukhari 256H yang mengutamakan fiqh dan *istinbat* dalam kitabnya *Sahih al-Bukhari*. Penulisan fiqh bentuk gabungan mula berkembang dalam penulisan fiqh Melayu pada pertengahan dan akhir abad ke-19 seperti dalam karya *Hidayah al-'Awam, Fath al-Manan, Jawahir al-Saniyyah, Sullam al-Mubtadi, Matla' al-Badrain*. Begitu juga, ilmu fiqh, akidah dan akhlak mempunyai hubungan dan kaitan yang amat jelas. Penulisan *dalalah, qiyas* dan pembinaan hukum, menjadi topik utama dalam ketiga-tiga ilmu yang ditulis oleh *fuqaha* silam. Ulama dan *fuqaha* di Alam Melayu turut menggunakan pendekatan penulisan yang melibatkan unsur gabungan tiga ilmu khususnya dalam karya fiqh dan akidah. Pendekatan gabungan fiqh dan akidah boleh dilihat dalam al-Quran surah *al-Naml* ayat tiga Allah SWT merakamkan kefarduan solat dan zakat, seiring dengan keimanan kepada hari kiamat yang merupakan iktikad kepercayaan umat Islam. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ

Maksudnya: Iaitu mereka yang tetap mendirikan sembahyang dan memberi zakat, sedang mereka percaya dengan yakin akan hari akhirat.

Dalam surah *al-Baqarah* ayat 183 Allah SWT memfardukan puasa yang menjadikan seseorang mukmin hampir kepada sifat taqwa. Allah menghubungkan puasa sebagai perbuatan *mukallaf* dengan iman. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu bertaqwa.

Begitu juga, ilmu fiqh juga tidak dapat dipisahkan dari ilmu akhlak meskipun keduanya dapat dibezakan. Namun begitu, keduanya saling mempunyai kaitan antara satu sama lain. Pemisahan ilmu fiqh dari ilmu akhlak secara kritis mengakibatkan ilmu fiqh kehilangan jati ilmunya. Tanpa ilmu akhlak ilmu fiqh hanya merupakan tempat yang kosong, sunyi dan tidak membawa kepada ketenangan hati. Sebaliknya, ilmu akhlak tanpa ilmu fiqh dalam ertinya yang komprehensif menyimpang dari ketentuan syariah. Simboliknya, gabungan ilmu mempunyai alasan yang relevan. Pendekatan yang ditulis oleh *fuqaha* Melayu silam dengan mengambil kira kaitan ketiga-tiga ilmu dan berkembang subur pada abad ke-20. Hasil perkembangan, terdapat penulisan di dalam beberapa risalah seperti *Risalah Anwar al-Masabih* 1979M¹²⁵ dan *Minhaj al-Salam*¹²⁶ turut mengetengahkan pendekatan penulisan gabungan tiga ilmu. Manakala, dalam karya penulisan karya *Nasihah al-Mukmin ila 'Ibadah Rab al-'Alamin*,¹²⁷ dan karya *Durus al-Tauhid wa al-Fiqh wa al-Tasawwuf* yang mengupas tiga gabungan ilmu dalam Islam.¹²⁸

Impak Penulisan Karya Fiqh Melayu Abad Ke-19

Hasil perbincangan, terdapat impak penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19 terhadap masyarakat Alam Melayu. Pertama, sumbangan jangka pendek dan kedua sumbangan jangka panjang terhadap kelangsungan penulisan karya fiqh Melayu. Antara sumbangan jangka panjang, lahirnya pemikiran islah dan tajdid dalam penulisan karya fiqh Melayu selepas abad ke-19. Kesannya, ia membawa pengaruh, pola dan corak penulisan di Alam Melayu.

Pemikiran Tajdid dan Penulisan *Khilafiyah*

Penulisan karya fiqh Melayu zaman-berzaman menjana corak penulisan abad ke-20 di Alam Melayu. Ia membentuk paradigma pemikiran yang tinggi sehingga melahirkan penulisan *khilafiyah* pada awal abad ke-20. Abad ke-19 merupakan suatu era penting dalam sejarah perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu. Senario ini dapat dilihat dengan kemunculan tokoh-tokoh besar ulama dan *fuqaha* Melayu memainkan peranan signifikan dalam pengembangan proses Islamisasi masyarakat tempatan dalam aspek penulisan, pendidikan, kemasyarakatan dan politik.¹²⁹ Dalam tempoh mutakhir, sekitar tahun 1900M hingga 1945M terdapat penghasilan karya bercorak *khilafiyah* yang dihasilkan oleh beberapa inteligensia yang membawa pemikiran progresif di Alam Melayu. Pola penulisan yang lebih progresif, menonjolkan corak perdebatan dengan sisipan elemen islah, tajdid dan persoalan *khilaf* dalam masyarakat. Situasi ini menyebabkan pengarang karya fiqh Melayu terkesan dan terpengaruh dengan suasana persekitaran pemikiran semasa ketika itu.

Kandungan penulisan *khilafiyah* berbeza dengan corak penulisan pada abad sebelumnya. Penulisan fiqh tradisi begitu terikat dengan mensyarah, memaparkan serta mengutip pendapat-pendapat *fuqaha* Mazhab Syafie tanpa ada sebarang kritikan dan penilaian

terhadap pendapat dan dalil yang digunakan. Situasi ini berbeza dengan penulisan pada awal abad ke-20. Ini dapat dilihat, pendapat yang kontradik dengan Mazhab Syafie ditolak sama sekali. Manakala isu-isu *khilafiyah* belegar sekitar ibadat furuk akibat daripada perbezaan pendapat dan ijihad. Pola penulisan karya *khilafiyah* menjadi isu yang hangat yang dibincangkan oleh masyarakat Melayu.¹³⁰ Menurut Mohd Amin karya *khilafiyah* terawal ditulis di Alam Melayu oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Antara tokoh pembaharuan dan progresif dalam pemikiran dan penulisan awal abad ke-19 seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin 1869M-1956M, Syed Syeikh Al-Hadi 1862M-1934M, Haji Abbas Mohd Taha 1885M-1946M, Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba 1895M-1973M, Haji Ibrahim Aqibi 1899M, Syeikh Muhammad Jamil Jambek 1862M-1947M, dan Syeikh Muhammad Taib Umar 1874M-1920M. Perkembangan perjuangan islah di Tanah Melayu dan Indonesia menjana sumbangan terhadap penulisan fiqh dan karya fiqh Melayu di Alam Melayu.¹³¹

Perkembangan corak penulisan *khilafiyah* berlanjutan sehingga pertengahan abad ke-20 dengan kemunculan penulis yang terdiri daripada ulama-ulama muda dan baharu. Struktur penulisan mengalami perubahan dengan terdapat ruang komentar terhadap pendapat yang kontradiksi dengan petunjuk al-Quran dan hadis. Kebanyakan isu yang dibincangkan berkaitan *furuk* fiqh akibat daripada perbezaan ijihad. Ia mula ditulis pada 1906M-1908M di Semenanjung Tanah Melayu sedangkan di Indonesia pada 1911M. Sebaliknya, di Patani dan Thailand pada tahun 1960M.¹³² Kemunculan dan pendedaran beberapa karya penulisan *khilafiyah* di Alam Melayu sekitar abad ke-20 antaranya karya *Iqaz al-Manam ila Tariqi Saiyyid al-Anam*¹³³ ditulis oleh Muhammad Yasin bin Abdul Ghani Minangkabau pada 1927M. Huraian kupasan isu pertikaian dan sanggahan terhadap pendapat kaum Muda dalam pengamalan ibadat masyarakat Melayu. Begitu juga, karya *al-Tahsinah 'an Itba' al-Masa'il al-Shudhudhiah*¹³⁴ ditulis oleh Syeikh Syamsuddin Gelar Soetan Radjo Endah pada 1928M. Selain itu, kewujudan karya judul bahasa Melayu seperti *Cahaya Suluh pada Menyatakan Jum'at kurang daripada Empat Puluh (M)*¹³⁵ mengupas persoalan *khilafiyah* syarat solat jumaat. Ia ditulis oleh Muhammad Basiyuni Imran pada 1920M.

Di samping itu, isu *khilafiyah* juga dicatatkan dalam karya *al-Bayan* ditulis oleh Muhammad Fadhlullah Suhaimi al-Azhari pada tahun 1953M¹³⁶ edisi cetakan oleh al-Ahmadiyah Press pada tahun yang sama. Demikian juga, kemunculan karya yang menjelaskan isu perselisihan hukum dalam karya *Cermin Suluhan*¹³⁷ ditulis oleh Muhammad bin Muhammad Salih al-Kalabawi. Isu-isu *khilaf* fiqh berlegar pada *fiqh al-Walimah* (kenduri) selepas kematian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Edisi cetakannya dicetak oleh *Matba'ah Dar Tiba'ah al-Islamiyyah*, Patani pada 1962M. Keberadaan karya-karya penulisan *khilafiyah* tersebar dan berkembang secara produktif pada awal dan pertengahan abad ke-20.¹³⁸ Hasil perbincangan, dalam menyebarkan idea penulisan fiqh tanpa sempadan penulisan intelektual yang dihasilkan oleh *fuqaha* Melayu abad awal jauh dari rasa fanatik atau taksud kepada sesuatu mazhab. Terdapat pandangan dan pendapat imam-imam mazhab fiqh dirujuk dan dijadikan hujah dan rujukan dalam perbincangan. Namun begitu, pada penghujung abad

ke-19 pendekatan penulisan *khilafiyah* mula ditulis dalam karya fiqh Melayu akibat pertembungan idea dalam pemikiran dan penulisan.

Penulisan Usul Fiqh

Impak perkembangan karya fiqh Melayu yang ditulis zaman berzaman menjadikan pengembangan intelektual dalam masyarakat di Alam Melayu.¹³⁹ Ini jelas, apabila tercetusnya idealisme pertumbuhan baharu penulisan fiqh Melayu. Ini dapat dilihat, ilmu usul fiqh mula dipelajari dan berkembang mengikut peredaran masa. Penulisan usul fiqh mula ditulis secara lebih terbuka pada abad ke-20.¹⁴⁰ Pada abad awal penulisan, tidak terdapat karya usul fiqh yang ditulis oleh *fuqaha* Melayu. Seinggalah, faktor perkembangan penulisan fiqh Melayu melahirkan karya penulisan ilmu usul fiqh. Meskipun, ditulis secara ringkas namun memberi kesan kepada penulisan karya fiqh Melayu.¹⁴¹

Hasil perkembangan penulisan menyaksikan ilmu usul fiqh mula dibukukan secara sistematik dan disusun mengikut format disiplin ilmu. Keberadaan karya usul fiqh dipasaran kitab bermula pada awal abad ke-20. Antaranya, karya *al-Aqwal al-Mulkhaqah 'ala Mukhtasar al-Waraqah fi Usul al-Fiqhiyyah* 1900M.¹⁴² Ia ditulis oleh Shaykh 'Abd al-Haq bin 'Abd al-Hanan al-Bantani dan dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah 1901M. Karya *Lata'if al-Isharah ila Sharhi Tashil al-Turuqah li Nazmi al-Waraqah fi al-Usul al-Fiqhiyyah* 1908M.¹⁴³ Karya penulisan dikarang oleh Shyakh 'Abd al-Hamid bin Muhammad 'Ali bin 'Abd al-Qadir al-Khatib. Terdapat berbagai-bagai edisi cetakan antaranya *Matba'ah Dar al-Tiba'ah Masriyyah*.¹⁴⁴ Karya *al-Fawa'id al-Janiyyah Khashiah al-Mawahib al-Sanniyyah ala al-Fawa'id al-Bahiyyah* 1942M¹⁴⁵ ditulis oleh Shaykh Muhammad Yasin bin Muhammad bin 'Isa al-Fadani. Ia mengupas ilmu fiqh dan usul fiqh. Manakala, karya *Madkhal al-Usul ila Ma'rifah 'Ilm al-Usul*¹⁴⁶ ditulis oleh Sayyid Muhsin bin 'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Masawi yang menjelaskan perbincangan ilmu usul.

Sementara itu, penulisan usul fiqh terawal di Tanah Melayu dipelopori oleh Ustaz Abdul Qadir Hasan berjudul *usul al-fiqh* dan dicetak oleh percetakan Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Edisi cetakan pertama ialah pada tahun 1973M.¹⁴⁷ Hasil pemerhatian, penulis menemui banyak kemunculan penulisan karya usul fiqh Melayu ditulis pada awal dan pertengahan abad ke-20 di Alam Melayu.¹⁴⁸ Berdasarkan perbincangan, penulis berpendapat pendekatan signifikan perlu dilakukan khususnya dalam penulisan fiqh secara konsisten seperti yang telah dilakukan oleh *fuqaha* fiqh klasik. Ini membuktikan impak besar penulisan karya fiqh Melayu yang ditulis zaman-berzaman dengan kemunculan penulisan dan karya usul fiqh dalam disiplin ilmu di Alam Melayu berbanding tradisi sebelumnya.

Kesimpulan

Hasil rumusan, secara dasarnya perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik abad ke-19 menjana kepelbagaian bentuk, corak dan pendekatan penulisan. Paparan yang dibentangkan oleh *fuqaha* Melayu sebagai medium ilmu ibadat dan sosiologi hukum. Abad awal perkembangan intelektual bermula pada abad ke-17. Meskipun kegiatan penulisan fiqh masih kabur dan ditulis secara ringkas dari hasil terjemahan. Seterusnya, abad ke-18 merupakan penyempurnaan atas usaha penulisan dan penterjemahan pada abad ke-17 yang mencatatkan pengemaskinian baharu tajuk dan subjek dilengkapi dengan catatan, catatan kaki, komentar dan terjemahan kata demi kata. Adapun abad ke-19 menampilkan usaha penulisan yang lebih dinamik dan produktif dengan pengemaskinian penulisan mencatatkan perubahan dan perbezaan teks sesuai dengan subjek penulisan yang lengkap dan tidak lengkap. Kemunculan penulisan karya fiqh Melayu sebagai khazanah warisan yang bernilai tinggi zaman-berzaman. Ia menarik minat umat Melayu bukan sahaja di bumi Melayu malah turut menjadi rebutan di bumi asing. Ini membuktikan, tafsiran ilmiahnya mempunyai nilai ilmu yang tinggi bagi menjana pemikiran intelektual. Hasil penilaian, pengorbanan dan ketekunan *fuqaha* Melayu dapat menjelaskan persoalan ilmu fiqh kepada masyarakat. Mereka tidak semata-mata menterjemahkan dan menyadur sahaja bahkan menyisipkan unsur fiqh tempatan dalam sejumlah kandungan penulisan abad ke-17 hingga 19. Namun pendekatan kearifan kadangkala dilihat tersirat dalam perbincangan klasik yang statik dan rencam. Ia perlu dirungkai dan dihurai dengan kontemplasi. Secara berobjektif, penulisan karya fiqh Melayu klasik ditulis dalam bentuk umum tanpa ada huraian khusus kepada perbincangan hukum. Sebaliknya, penekanan penulisan perlu memfokuskan plot dan skop bab perbincangan dengan lebih mendalam. Begitu juga, kandungan penulisannya hampir seolah-olah penulisan fiqh Arab klasik Mazhab Syafie.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penulisan terutamanya rakan-rakan dari Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Anatarabangsa, Kuala Lumpur dan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur atas sumbangan dan usaha mereka dalam menjayakan penyelidikan ini. Kejayaan penyelidikan ini tidak tercapai tanpa kerjasama dan sokongan yang kukuh dari pihak-pihak yang terlibat. Terima kasih atas kesungguhan dan dedikasi dalam menyumbang kepada pengembangan dan pemahaman ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang pendidikan, sejarah, dan ilmu keislaman di Malaysia. Semoga kerjasama ini menjadi asas untuk usaha lebih besar dalam bidang penyelidikan sejarah Melayu Islam pada masa akan datang.

Biodata

* **Mohd Pua'ad Abdul Malik (ibnumalik72@gmail.com)** (corresponding author) merupakan Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Instituti Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa Lembah Pantai, Kuala Lumpur

** **Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (faisal@um.edu.my)** merupakan Prof. Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*** **Rahimin Affandi Abd. Rahim (faqir_ila_rabbih@um.edu.my)** merupakan Prof. Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Received: 15 Mei 2023

Reviewed: 21 Jun 2023

Accepted: 25 September 2023.

Nota

¹ Hasanulddin Mohd et al., "The Malay Fiqh Manuscripts at the National Centre for Malay Manuscripts: A Pilot Survey," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 8, No.4, 2018, hlm. 685-696.

² Ilmu fiqh merupakan penjelasan ibadat, muamalat Islam dan aspek penting kerangka syariat Islam. Rujuk: Sukarni, *Fiqh Lingkungan Hidup*, Banjarmasin: Antasari Press, 2011, hlm. 45.

³ Muhammad Ayman al-Akiti dan Zainul Abidin Abdul Halim, "Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu" *Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Wal Jamaah Melestarikan Warisan Pemikiran Salaf dalam Masyarakat Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019, hlm. 12.

⁴ Tamadun intelektual Melayu wujud sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu dengan kewujudan sistem tulisan yang ditulis oleh sarjana Melayu silam. Namun begitu, aktiviti dan kegiatannya terbantut akibat kekangan untuk mendapatkan bahan-bahan penulisan pada zaman klasik.

⁵ Norazimah Zakaria, "Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir," *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 2014, hlm. 259-262.

⁶ Faizuri Abdul Latif dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, "Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin,'" *Jurnal Usuluddin*, Vol. 30, 2009, hlm. 92.

⁷ Muhammad Abu Bakar, "Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21" dalam *Islam dan Masyarakat Maju*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1993, hlm. 39-48.

⁸ Abdul Hadi W. M, "Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya" dalam *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Alam Melayu*, ed. Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus AF, Jakarta: Mizan, 2006, hlm. 470-471.

⁹ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum*, hlm. 20-78.

¹⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu" dlm. Mohd Radzi Othman (et al. editor), *Warisan al-Quran Peradaban Manusia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2005, hlm. 20-28.

¹¹ Hasil penelitian, sebelum abad ke-17 penulisan fiqh Melayu kurang ditulis dan berkembang kerana tiada konstruk ilmu bagi mereka yang berkebolehan menulis ilmu fiqh. Hanya sebilangan kecil *fuqaha* Melayu mampu menulis kerana keterbatasan sumber dan bahan penulisan. Terdapat andaian, kesan cengkaman pengaruh Hindu dan Buddha masih berakar dan sebatu dalam pemikiran dan budaya masyarakat Melayu. Akibatnya, pemikiran mereka masih terikat dengan mitos dan cara berfikir yang pasif. Menurut Mohd Taib Osman, saki baki kepercayaan primitif dan pengaruh Hindu-Buddha tidak berjaya dihapuskan sepenuhnya dalam pemikiran masyarakat Melayu. Dengan kata lain, kedatangan Islam telah membawa evolusi tasawur pemikiran orang Melayu. Hampir 800 tahun pengaruh Hindu-Buddha mempengaruhi minda orang Melayu. Dalam tempoh itu, kerangka berfikir orang Melayu telah dibelenggu dengan pelbagai pola dan corak pemikiran yang sempit. Tumpuan pemikiran tidak memberi keutamaan kepada aspek rasionalisme dan intelektualisme. Kesan dari kewujudan unsur tasawur primitif dan tasawur Hindu-Buddha memerlukan anjakan pemikiran dan melalui tempoh masa yang panjang untuk berubah. Perkembangan evolusi pemikiran bermula dengan pemikiran primitif sebelum beralih kepada tasawur Hindu-Buddha kepada pemikiran tasawur Islam.

¹² Ajidar Matsyah, “Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip,” makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Banda Aceh Indonesia, 2013, hlm. 17-19.

¹³ Tradisi bentuk lisan menerusi pengajaran yang disampaikan melalui khutbah, unsur nasihat (*mau'izah*), *tadhkirah* (peringatan) dan syarahan.

¹⁴ Tradisi perkembangan tulisan klasik bermula dengan risalah kecil dan pendek menjelaskann dasar-dasar umum ajaran Islam. Begitu juga, karya berbentuk cereka yang menyalurkan informasi pengajaran Islam secara ringkas serta penulisan karya-karya manuskrip tulisan tangan.

¹⁵ Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd, 2003, hlm. 10; Harun Mat Piah et al., *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 86-87.

¹⁶ Pada peringkat awal, ilmu fiqh tidak dibukukan hanya dicatatkan namun orientasi ilmu fiqh secara beransur-ansur diterapkan dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ilmu yang mula diterapkan dalam kehidupan masyarakat Melayu ilmu tauhid kemudian ilmu fiqh ibadat khusus.

¹⁷ Sebelum karya fiqh Melayu digunakan bagi tujuan pengajaran dan dakwah, *fuqaha* Melayu menggunakan kitab-kitab berbahasa Arab untuk menyebarkan ajaran Islam. Proses perpindahan ilmu dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam penulisan fiqh merupakan kaedah yang efektif dalam penyampaian dakwah Islam di Alam Melayu. Karya-karya fiqh Melayu yang dikarang oleh *fuqaha* Melayu ketika itu lebih merupakan terjemahan, saduran dan ringkasan dari kitab Arab. Hal ini kerana, untuk memudahkan masyarakat memahami sumber asli bahasa Arab.

¹⁸ *Sirat al-Mustaqim* MSS 144, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Sirat al-Mustaqim* MSS 3786 Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

¹⁹ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, “Tradisi Budaya Melayu berteraskan Islam,” *Jurnal Pengajian Melayu* Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1998, hlm. 82.

²⁰ Zuber Usman, *Kesusasteraan Lama Indonesia*, Djakarta: Gunung Agung, Cet. 4, 1963, hlm. 17-20.

²¹ Ini dapat dilihat dalam perkembangan pola dan corak baharu penulisan karya fiqh Melayu abad ke-19.

²² Pelbagai pola dan corak penulisan fiqh dapat dilihat dalam karya penulisan fiqh Melayu abad ke-20.

²³ Perbincangan dicatatkan dalam penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18.

²⁴ *Idah al-Albab* MSS 2602, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Idah al-Albab* MSS 123, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; karya ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Tiada catatan tarikh karya mula ditulis namun terdapat catatan tarikh karya diselesaikan pada malam Isnin 9 Rabiul Awwal 1224H di Mekah bersamaan 1809M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat pelbagai versi penulisan karya *Idah al-Albab*. Antaranya MSS 123, MS 524, MS 472, MSS 303, MSS 568, MSS 600, MSS 643, MSS 671 dan MSS 696. Sehubungan dengan itu, apabila terdapat pelbagai versi penyalinan maka terdapat perbezaan format dan gaya penulisan. Contoh, terdapat karya penulisan yang mempunyai dua garisan merah dan satu garisan merah penulisan. Begitu juga, terdapat karya penulisan yang tidak mempunyai garisan dua merah dan penulisan yang berada di kedudukan tengah halaman muka surat dengan bentuk yang lebih kecil. Manakala, dalam edisi cetakan karya *Idah al-Albab* dicetak oleh percetakan *Matba'ah bin Halabi*, Patani.

²⁵ *Ghayah al-Taqrīb* MS 2384, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; karya ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat beberapa versi penyalinan karya *Ghayah al-Taqrīb*. Antaranya, disalin oleh Haji Mahmud pada 1821M dengan versi MS 164, MS 262, MS 278, MS 325, MS 522, MSS 230, MS 231 dan MSS 672. Hasil carian, karya *Ghayah al-Taqrīb* merupakan karya fiqh Melayu yang mempunyai pelbagai versi penyalinan dan suntingan. Kandungan utama penulisan mengupas pembahagian harta pusaka mengikut ilmu faraid.

²⁶ *Nahj al-Raghibin* MSS 332, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Nahj al-Raghibin wa-Subul al-Muttaqin*, Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladuhu, 1935, t.tp; karya ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pada 1811M. Penulisan karya bermula pada tahun 1811M jilid pertama dan diselesaikan pada 1817M. Manakala jilid kedua diselesaikan pada 1818M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat karya *Nahj al-Raghibin* dengan versi MSS 332. Dalam versi MSS 332, penulisan dan penyalinannya sangat kemas, jelas dan bersih.

²⁷ *Bulugh al-Maram* MSS 733, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; karya ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pada tahun 1812M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat beberapa versi penulisan berbeza seperti MSS 773 yang merupakan karya lengkap dan MSS 504 yang mempunyai 15 helaian muka surat sahaja. Karya *Bulugh al-Maram* diklasifikasikan sebagai karya nadir bermaksud tidak beredar dalam pasaran kitab. Dalam pengedaran kitab, karya *Bulugh al-Maram* melalui beberapa edisi cetakan antaranya edisi percetakan *Matba'ah al-Ka'inah* Mekah pada 1895M. Edisi cetakan seterusnya, direkodkan di *matba'ah* yang sama pada 1910M. Manakala edisi cetakan terakhir pada 1912M. Pengulangan cetakan karya *Bulugh al-Maram* kerana mendapat permintaan yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Ia dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di pondok-pondok sekitar Alam Melayu.

²⁸ *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim* MSS 485, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Karya mempunyai pengaruh yang besar dan digunakan dengan meluas terutamanya di

Patani sehingga abad ke-19; Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan*, hlm. 22; Ia ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pada 1828M di Mekah. Karya *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim* diklasifikasikan sebagai karya nadir kerana tidak beredar di pasaran kitab. Karya hanya dimiliki dan disimpan oleh individu tertentu sahaja. Terdapat pelbagai versi penulisan karya *Hidayah al-Muta'allim* berdasarkan perbezaan corak penyalinan. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat versi MS 4373, MSS 2145, MSS 2146, MSS 2751, MSS dan versi MSS 485 yang mempunyai 520 helaian muka surat. Keberadaan naskhah penyalinan yang banyak menunjukkan karya *Hidayah al-Muta'allim* merupakan karya penting dalam ibadat masyarakat Melayu. Dalam pendedaran percetakan *Hidayah al-Muta'allim* edisi percetakan dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah pada 1894M. Seterusnya, edisinya dicetak semula pada 1904M di *matba'ah* yang sama atas pembiayaan Syeikh Muhammad Majid al-Kurdi al-Makki.

²⁹ *Fath al-Manan* MSS 21, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; karya penulisan adalah hasil terjemahan nazam yang dikenali sebagai *Matan Zubad* yang disyarahkan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Ia metode penulisan klasik Arab yang mengandungi perbincangan fiqh dalam bentuk puisi. Kandungannya mempunyai lebih daripada 1,000 bait yang terkenal di seluruh dunia Islam. Karya *Fath al-Manan* selesai ditulis pada 1833M di Mekah. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat jilid pertama dan kedua karya *Fath al-Manan*. Antara penyalin tersohor yang menyalin karya *Fath al-Manan* ialah Tok Kelaba yang menyalinnya pada 1882M.

³⁰ *Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-'Aqa'id al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah* MS 4373, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Ia ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan diselesaikan pada 1836M di Taif. Karya *Jawahir al-Saniyyah* mempunyai pelbagai versi salinan dan cetakan. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat beberapa versi penyalinan antaranya MSS 1431, MS 4373, MSS 127, MSS 178, MSS 697, MS 296. Terdapat versi gabungan dua karya MS 577 (1) *Jawahir al-Saniyyah* dan MS 577 (2) karya *Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Tariq al-Muhtadi*. Karya penulisan lengkap yang ditemui adalah salinan Muhammad Yusuf bin Abdullah. Penyalinannya telah diselesaikan pada 1864M. Manakala, dalam edisi cetakan *Jawahir al-Saniyyah* dicetak pada 1896M oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah setelah 32 tahun disalin.

³¹ *Sullam al-Mubtadi* MS 521, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; karya ditulis oleh Syeikh Daud al-Fatani pada 1836M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat karya *Sullam al-Mubtadi* versi MS 181, MS 275, MS 298, MS 647 (karya lengkap), MS 521, MS 647, MS 27. Menurut Wan Mohd. Shaghir, terdapat dua tajuk penulisan *Sullam al-Mubtadi* yang berbeza. Dalam catatan pengantar karya penulisan MS 27 tertera judul tajuk *Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Tariq al-Muhtadi*. Manakala, dalam karya lain diakhir penulisan pengarang menyatakan tajuk kedua *Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Bayan Tariq al-Muhtadi*. Namun, tidak terdapat perbezaan ketara di antara kedua-dua penulisan tersebut.

³² *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il* MS 553, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il* MSS 5555, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Ia ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pada 1841M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat karya *Furu' al-Masa'il* versi MS 553, MSS 269, MS 664 dan MS 553 yang mempunyai perbezaan penyalinan dan struktur penulisan. Perbezaan proses penyalinan dilakukan oleh penyalin yang mempunyai latar belakang yang berbeza dalam ilmu pengetahuan dan tahun karya disalin. Selain itu, terdapat pelbagai edisi cetakan karya *Furu' al-Masa'il* yang dicatatkan. Edisi pertama, dicetak oleh *matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah*, Mekah tahun 1885M. Terdapat juga edisi cetakan *Matba'ah at-Taraqql al-Uthmaniyyah*, Mekah tahun 1912M.

³³ Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani, *Minhah al-Qarib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrib*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, Koleksi Nadir, 2006; karya ditulis oleh Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani. Beliau juga dikenali sebagai Tuan Tabal yang hidup sezaman dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Penulisan karya *Minhah al-Qarib* diselesaikan pada hari Jumaat 1883M. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, tidak terdapat karya *Minhah al-Qarib* dalam versi karya manuskrip. Namun begitu, terdapat karya nadir terbitan Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur. Menurut Wan Mohd. Shaghir, karya *Minhah al-Qarib* merupakan karya nadir yang jarang ditemui. Karya hanya dimiliki oleh segelintir individu dan beredar di pustaka sekitar Kelantan sahaja. Edisi cetakan pertama *Minhah al-Qarib* dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah*, Mekah. Manakala edisi cetakan kedua di *Matba'ah al-Kamaliyyah*, Kota Bharu Kelantan pada 1935M. Selain *Minhah al-Qarib*, Tuan Tabal juga menulis dua karya fiqh yang masyhur iaitu karya *Kifayah al-'Awam* dan *Bidayah al-Ta'lim al-'Awami*.

³⁴ *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, Singapura: Maktabah al-Tijari al-Sharqi, t.t; karya ditulis oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani pada 1885M. Beliau juga dikenali sebagai Syeikh Nik Mat Kecil yang merupakan cucu saudara kepada ulama tersohor di Alam Melayu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Format dan struktur penulisan *Matla' al-Badrain* lengkap merangkumi *kitab, bab dan fasl*. Karya penulisan juga merupakan karya fiqh masyhur dan menjadi rujukan fiqh Mazhab Syafie. Dalam perkembangan penulisan *Matla' al-Badrain* terdapat pelbagai edisi cetakan *Matla' al-Badrain*. Edisi pertama dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah. Antara edisi cetakan terawal oleh percetakan *al-Mu'arif* Sdn. Bhd. Jalan Sungai Pinang, Pulau

Pinang. Selain itu, karya *Matla' al-Badrain* juga diterbitkan oleh Pustaka Hussien Muar, Johor pada 1988M. Malah, menurut Wan Mohd. Shaghir karya *Matla' al-Badrain* merupakan karya yang paling banyak diulang cetak. Pengulangan cetakan dan pengedaran karya fiqh Melayu di Alam Melayu menunjukkan peningkatan signifikan dalam trend permintaan pasaran karya agama Melayu yang berkembang dengan kemunculan karya baharu penulisan. Trend aliran persekitaran menunjukkan berlaku proses kepesatan penulisan karya fiqh Melayu.

³⁵ Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*, Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu, Juzuk 1, t.p, tt; Ia ditulis oleh Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani dan beliau juga dikenali sebagai Tuan Minal. Karya *Kashf al-Litham* merupakan cetakan bahasa Melayu aksara Jawi yang masyhur dalam penulisan fiqh Melayu. Dalam koleksi penulisan Tuan Minal karya *Kashf al-Litham* merupakan sebuah karya pengamatan fiqh yang kritis dan kritikal. Karya penulisan mempunyai empat jilid dan setiap jilid mempunyai tajuk perbincangan ilmu fiqh. Karya *Kashf al-Litham* mempunyai judul yang sama dengan kitab fiqh Arab yang dikarang oleh Shaykh Husayn bin Muhammad al-Mahalli 1756M iaitu *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*. Selain itu, ia juga dikenali sebagai kitab *al-Furu'* yang menjadi rujukan utama karya *Kashf al-Litham* karya tulisan Tuan Minal. Terdapat pelbagai edisi cetakan karya *Kashf al-Litham*. Menurut Wan Mohd. Shaghir, edisi cetakan pertama oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah namun tidak dapat dipastikan tahun dicetak. Manakala, menurut Ahmad Ismail Dorla edisi pertama cetakan diterbitkan pada tahun 1891M.

³⁶ *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*, Pulau Pinang: Matba'ah al-Mu'arif, t.t; Ia ditulis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani pada 1893M. Kandungan penulisan mempunyai 63 halaman bercetak dan di akhir catatan pengantar dinyatakan tarikh karya selesai ditulis. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur tidak terdapat karya *Bahjah al-Mubtadin* dalam versi karya manuskrip. Dalam karya *Bahjah al-Mubtadin* penelitian dijalankan dalam versi karya cetakan dengan edisi cetakan *Matba'ah al-Mu'arif*, Jalan Bukum Pulau Pinang. Terdapat pelbagai edisi cetakan karya *Bahjah al-Mubtadin*. Antaranya, edisi cetakan pertama dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah*, Mekah pada 1893M. Karya *Bahjah al-Mubtadin* juga dicetak di Pulau Pinang oleh *Matba'ah United Fifulan/The United Press* Pulau Pinang pada tahun 1931M. Selain itu, terdapat edisi cetakan *matba'ah* Patani press, Patani 1939M. Deskripsi penulisan perkara-perkara wajib dipelajari dalam fardu ain. Manakala fokus utama penulisan, perbincangan iktikad, solat, puasa, zakat, haji, korban, hukum faraid dan hukum nikah. Sementara itu, format penulisan disusun dengan *kitab* sebagai topik utama perbincangan. Ia dimulakan dengan *kitab al-'Aqa'id* sifat wajib dan mustahil, serta sifat dua puluh bagi Allah. Manakala, perbincangan fiqh bermula dengan *kitab al-Taharah* dan berakhir dengan *kitab al-Qarabah*.

³⁷ *Wushah al-Afrah wa Isbah al-Falah*, Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu, t.p, t.t; Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Ini Kitab yang dinamakan dengan Wushah al-Afrah wa Isbah al-Falah*, Singapura: Ali Bahai Sharif Ali and Company, 1900; karya ditulis oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani dan diselesaikan di Mekah pada tahun 1894M. Dalam trend pasaran, karya *Wushah al-Afrah* beredar di pasaran kitab dan terdapat banyak edisi cetakan *Wushah al-Afrah* di Alam Melayu. Terdapat edisi cetakan yang dicetak oleh *Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu* dengan tajuk *Ini kitab yang dinamakan dengan Wushah al-Afrah wa Isbah al-Falah*. Manakala, cetakan keempat dicetak oleh *Matba'ah al-Miriyyah*, Mekah tahun 1912M dan edisi cetakan *Matba'ah al-Imam*, Singapura tahun 1907M. Kandungan penulisan mempunyai 63 halaman bercetak. Di akhir catatan pengantar, dinyatakan dasar penulisan beterasan fiqh Mazhab Syafie dan telah dicetak oleh *Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah*, Mesir.

³⁸ *Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah*, Matba'ah Patani Press, t.tp, 1377H; Ahmad bin Muhamad Zain, *Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah*, Pattani Press, 1888, t.tp; Karya ditulis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur. Penulis tidak menemui versi karya manuskrip *al-Fatawa al-Fataniyyah*. Penulis hanya menemui edisi cetakan Matba'ah Patani tahun 1919M. Selain itu, terdapat edisi cetakan *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah dan *Matba'ah al-Kamaliyyah*, Kota Bharu Kelantan.

³⁹ Husayn bin Sulayman al-Jawi, *Bab al-Jum'ah*, 1900.

⁴⁰ Muhammad Mahfuz bin 'Abd Allah at-Tarmasi, *al-Siqayah al-Mardiyyah fi Asami al-Kutub al-Fiqhiyyah li Ashabina al-Shafi'eyah*, Mekah: Matba'ah at-Taraqil Majidiyyah al-Uthmaniyyah, t.t.

⁴¹ Risalah yang mengupas penulisan fiqh zakat empat mazhab; Abdul Ghani Fikri, *Nur al-Shams*, Kota Bharu: Matba'ah al-Ahliyyah, t.t.

⁴² Buku kecil yang membicarakan fiqh jual beli dalam Islam; 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Rahim al-Fatani, *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Bay' wa al-Shira'*, *Koleksi Nadir No. 40*, Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyyah, 1997.

⁴³ Kandungan karya membincangkan fiqh ibadat, sumpah dan nazar dalam Mazhab Syafie; Ahmad bin Muhammad Yunus, *al-Thimar al-Ladhidah 'ala Riad al-Badi'ah*, Mekah: Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, 1904.

⁴⁴ Muhammad bin Isma'il Dawud al-Fatani, *al-Bahjah al-Mardiyyah fi Fawa'id al-Ukhrawiyyah*, Mekah: Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, 1879.

⁴⁵ Pemerhatian dilakukan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

⁴⁶ *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* MSS 2539, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab*, MSS 620, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* MS 515, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* MS 2384, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* MMS 164, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* MS 262, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

⁴⁷ *Ghayah al-Taqrif fi al-Irth wa at-Ta'sib*, MMS 721, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Ghayah al-Taqrif fi al-Irth wa at-Ta'sib* MS 626, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

⁴⁸ *Munyah al-Musalli* MS 721, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Munyah al-Musalli* MS 626 (A), Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Munyah al-Musalli* PNM AR 116, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

⁴⁹ *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Shurutih*, Patani: Matba'ah bin Halabi, t.t.

⁵⁰ Karya terjemahan hadis Arba'in karangan Imam Nawawi tetapi huraianya dikupas dalam fiqh Mazhab Syafie; Syeikh Muhammad Shalih bin Muhammad Murid ar-Rawi, *Fath al-Mubin*, Qaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1939.

⁵¹ *ash-Sa'id wa az-Zaba'ih*, MSS 115, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

